



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 29 JANUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	TINDAKAN KE ATAS KARTEL BERAS DIBUAT BERPANDU HASIL SIASATAN, NASIONAL, SH -10 TIRU MACAM SEKINCHAN, LOKAL, HM -17 150,000 HEKTAR SAWAH BERSKALA BESAR MENJELANG 2030, NEGARA, KOSMO -5 PROGRAM ALA SEKINCHAN TINGKAT BEKALAN BERAS DALAM NEGARA, NASIONAL, BH -3 TANAMAN PADI ALA SEKINCHAN KE SABAH, SARAWAK, DALAM NEGERI, UM -11 MOVE TO TRANSFORM PADI FIELDS INTO SEKINCHAN-STYLE CULTIVATION, NATION, THE STAR -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	BERBALOI CEBURI TANAMAN CENDAWAN, BISNES, SH -31	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8. 9.	RATUSAN UBUR-UBUR API TERDAMPAR DI PANTAI TELUK BIDARA, DALAM NEGERI, UM -36 30 SET BUBU NAGA PEROSAK EKOSISTEM PERIKANAN DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	PESARA POLIS JADI TAUKE MINUMAN HERBA BOTANI, NIAGA, KOSMO -38	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
11. 12.	KEREPEK SITI JANA RM12,000 SEBULAN, NIAGA, KOSMO -38 FAMA PERKUKUH PEMASARAN AGROMAKANAN NEGARA, SH -20 & 21	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
13. 14. 15. 16. 17. 18.	HARGA IKAN NAIK RM2 BAGI SEKILOGRAM, LOKAL, HM -17 SEKAT WARGA ASING SEWA TANAH UNTUK AKTIVITI PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -11 PROGRAM JUALAN MURAH DIPERLUAS -PM, NEGARA, KOSMO -4 MP BUKIT GANTANG KETUAI KLUSTER DI BAWAH NACCOL, NASIONAL, SH -4 AHLI PARLIMEN BUKIT GANTANG FOKUS STABIL HARGA BERAS, NASIONAL, SH -4 TUMPU SEKTOR PERTANIAN, PERIKANAN KETIKA NILAI RINGGIT LEMAH, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	10

Tindakan ke atas kartel beras dibuat berpandu hasil siasatan

PASIR PUTEH - Tindakan yang dikenakan berkait isu kartel beras akan dibuat berpandu kepada hasil siasatan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, KPKM sama sekali tidak akan campur tangan dan memberikan kebebasan kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan.

"Dalam isu kartel ini, kalau ada laporan kita akan ambil tindakan dengan menjalankan siasatan," katanya dalam sidang akhbar pada Ahad.

Sebelum itu beliau merasmikan Majlis Perasmian Smart SBB Ala Sekinchan KADA di bendang Tok Ajam di sini.

Menurut Mohamad, siasatan ini penting untuk melihat sama ada dakwaan yang

dibuat itu betul atau sebaliknya. Ujarnya, sesiapa pun boleh membuat tuduhan dan oleh itu KPKM akan melakukan siasatan bagi menentukan sama ada ia benar atau sebaliknya.

Media sebelum ini melaporkan, KPKM menerusi Kawalselia Padi dan Beras sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyasat isu kartel yang didakwa menekan nasib pesawah.

Sementara itu, Mohamad berkata, KPKM mahu menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai jelang padi negara yang kedua pada masa hadapan selepas Kedah, Kelantan.

Jelasnya, hasrat itu akan direalisasikan menerusi pelaksanaan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan.

"Insyaa-ALLAH bulan depan,

saya akan bertemu Premier Sarawak bagi membincangkan perkara berkait dengan penanaman padi di negeri berkenaan.

"Hasil padi di kedua-dua negeri itu sebenarnya agak tinggi terutama di Sarawak. Sekiranya, kerajaan bergerak seiring dengan Sarawak menerusi caran moden ini, saya yakin hasil yang diperoleh akan tinggi," ujarnya yang juga merupakan ahli Parlimen Kota Raja.

Menurut beliau, sebanyak 150,000 hektar sawah padi di negara ini akan diusahakan menggunakan Smart SBB Ala Sekinchan menjelang 2030.

Mohamad memberitahu, melalui projek tersebut hasil pengeluaran padi mampu ditingkatkan kepada tujuh tan setiap satu hektar.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sebelum ini ke-



Mohamad (kiri) bersalaman dengan petani yang hadir di bendang Tok Ajam, Pasir Puteh pada Ahad.

rajaan memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi bukit di Sabah dan Sarawak.

"Hal ini kerana padi bukit mempunyai potensi yang besar jika dibangunkan dengan baik. "Hasil keluaran padi bukit itu boleh dieksport ke luar negara," tambahnya.



PENGURUS Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor Datuk Ng Sze Lim ketika berada di kawasan berhijau padi yang ditanam di sekitar Sekinchan. Kira-kira 202 hektar tanah sawah di bahagian utara Selangor akan terlibat dengan penanaman menggunakan formula kelijauan pengusulan padi di Sekinchan sebagai usaha meningkatkan hasil pengeluaran beras tempatan. Ng berkata penanaman di sekitar kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam itu merupakan langkah permulaan kerajaan negeri bagi menghasilkan makanan ruffi negara yang bertapak tinggi.

SMART SAWAH BERSKALA BESAR

Tiru macam Sekinchan

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Pasir Puteh

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyasarkan 150,000 hektar sawah padi di seluruh negara akan ditanam menggunakan konsep Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan menjelang 2030.

Menterinya Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah berkenaan meliputi 25 peratus

berbanding keseluruhan keluasan 600,000 hektar di seluruh negara.

Katanya, sehingga sekarang, seluas 11,000 hektar padi melaksana program SMART SBB ala Sekinchan membabitkan beberapa negeri termasuk Kelantan, Kedah, Selangor dan Terengganu.

"Program SMART SBB ala Sekinchan adalah model baharu yang diperkenalkan Mei tahun lalu. Ia mengaplikasi amalan terbaik penanaman padi di Sekinchan untuk direplikasi ke kawasan lain.

"Menerusi program SMART

SBB ala Sekinchan, ia boleh meningkatkan hasil padi sebanyak 70 peratus berbanding kaedah biasa," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian SMART SBB ala Sekinchan KADA di Bendang Tok Ayam, di sini, semalam.

"Mengulas lanjut, katanya, sekiranya kesemua kawasan menggunakan kaedah penanaman berkenaan, phaknya yakin bekalan beras negara akan mencukupi tanpa perlu mengimport dari negara lain.

"Bagaimanapun kita akui un-

tuk 100 peratus melaksanakan naan.

SMART SBB ala Sekinchan akan turut diperkenalkan di Suboh dan Sarawak dan belia akan ke Sarawak minggu hadapan untuk berbincang mengenai perkara berke-

Harga ikan naik RM2 bagi sekilogram

Petaling Jaya: Beberapa barangan mentah dan keperluan utama termasuk bawang merah berlaku peningkatan harga berbanding beberapa minggu lalu.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Besar Jalan Othman, di sini mendapati harga ikan bawal emas, siakap dan ikan kembung masing-masing berlaku peningkatan harga antara RM1 hingga RM2 sekilogram.

Ayam bulat segar dijual pada RM9.50 sekilogram, manakala kacang panjang, cili merah besar, halia dan kobis juga berlaku peningkatan harga.

Peniaga ikan Aznan Din, 57, berkata harga ikan meningkat kerana keadaan cuaca tidak menentu selain sinas banjir di Terengganu yang menyebabkan bekalan ikan dari negeri itu berkurangan dihantar ke ibu kota.

Menurutnya, harga ikan kembung ketika ini RM17 sekilogram berbanding sebelum ini RM16, namun permintaannya masih meningkat tetapi bekalan berkurangan sejak beberapa hari lalu, malah sudah tiga hari tidak mendapat bekalan.

"Pembekal beritahu ikan dari Terengganu tiada stok terutama ikan kembung, ikan bawal emas dijual pada harga RM90 sekilogram, hari ini (semalam) berbanding RM28 minggu lalu, manakala siakap pula RM17 berbanding RM16 sebelum ini.

"Kenalkan harga cuka RM1 hingga RM2 saja, tetapi buat masa ini kami belum tahu lagi harga untuk musim Tahun Baharu Cina nanti sama ada naik atau tidak kerana beberapa hari sebelum raya nanti baru kita tahu," katanya.

150,000 hektar sawah berskala besar menjelang 2030

PASIR PUTEH – Kerajaan menyasarkan kira-kira 150,000 hektar kawasan tanaman padi di seluruh negara mempraktikkan amalan penanaman menerusi Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Ala Sekinchan di seluruh negara menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah itu ditetapkan daripada keseluruhan tanaman padi di seluruh negara yang dianggarkan seluas 600,000 hektar.

Menurutnya, setakat ini, Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang sudah mengaplikasikan kaedah penanaman padi di sesetengah kawasan di negeri tersebut.

"Saya akan ke Sabah dan Sarawak pada awal bulan depan untuk membincangkan secara umum kaedah Smart SBB Ala Sekinchan agar kedua-dua negeri itu boleh diterokai sebagai je lapang padi.

"Permintaan beras di Sabah dan Sarawak ketika ini agak tinggi. Saya yakin pelaksanaan amalan Smart SBB sekurang-kurangnya akan menampung permintaan beras di dua negeri itu," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad memberitahu, selain itu, peruntukan sebanyak RM10 juta untuk mengeksport padi huma di Sabah dan Sarawak sudah diberikan pada tahun ini.

Katanya, sehubungan itu, pen-

ngenan amalan Program Smart SBB Ala Sekinchan mampu mengembangkan tanaman padi di kedua-dua negeri tersebut.

"Hasil beras negara ketika ini dikeluarkan sebanyak bawah 5 tan metrik. Apabila jumlah itu mencapai 7 tan metrik, kita boleh mengeksport hasil beras negara.

"Amalan penanaman Smart SBB juga membolehkan tuai tanaman padi di seluruh negara sebanyak lima musim dalam tempoh lima tahun," katanya.

Smart SBB Ala Sekinchan merupakan model baharu dengan menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan pengetahuan, sikap dan amalan yang dilancarkan pada Mei tahun lalu.



MOHAMAD SABU mengendalikan jentera menanam padi pada Majlis Perasmian Smart SBB Ala Sekinchan di Bendang Tok Ajam, Pasir Puteh semalam.

Program ala Sekinchan tingkat bekalan beras dalam negara

Kementerian Per-
sasar 150,000
hektar tanaman
padi
menjelang 2030

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Pasir Puteh: Kementerian Per-
tanian dan Keterjaminan Maka-
nan (KPKM) menyasar 150,000
hektar tanaman padi di seluruh
negara, dapat dilaksanakan me-
nerusi program Smart Sawah
Berskala Besar (SMART SBB) ala
Sekinchan menjelang 2030.

Menterinya, Datuk Seri Moha-
mad Sabu, berkata jumlah itu
meliputi 25 peratus berbanding
keseluruhan keluasan padi ada-
lah 600,000 di seluruh negara.

Katanya, sehingga kini, seluas
11,000 hektar padi dilakukan me-
nerusi program SMART SBB ala
Sekinchan membabitkan bebera-
pa negeri termasuk Kelantan, Ke-

dah, Selangor dan Terengganu.

"Program SMART SBB ala Se-
kinchan adalah model baharu di-
perkenalkan Mei tahun lalu. Ia
mengaplikasi amalan terbaik pe-
nanaman padi di Sekinchan un-
tuk direplikasi ke kawasan lain.

"Menerusi program SMART
SBB ala Sekinchan, ia boleh me-
ningkatkan hasil padi sebanyak
70 peratus berbanding kaedah
biasa," katanya pada sidang me-
dia selepas Majlis Perasmian
SMART SBB ala Sekinchan KA-
DA di Bendang Tok Ajam, di sini,
semalam.

Tingkat sistem pengairan

Mengulas lanjut, Mohamad ber-
kata, sekiranya semua kawasan
menggunakan kaedah SMART
SBB ala Sekinchan, pihaknya ya-
kin bekalan beras negara men-
cukupi tanpa perlu mengimpor
dari negara lain.

"Bagaimanapun kita akui un-
tuk seratus peratus melaksana-
kan SMART SBB ala Sekinchan
agak sukar, berikutan beberapa
masalah yang perlu dihadapi ter-
masuk pengairan, kewangan,
teknologi dan pembajaan.

"Kemudahan seperti sistem pe-



Mohamad mengendali jentera mesin menanam padi selepas merasmikan Program SMART SBB ala Sekinchan di Bendang Tok Ajam, Pasir Puteh, semalam. (Foto BERNAMA)

ngairan itu perlu dipertingat-
kan terlebih dahulu kerana bu-
rang semua kawasan mempunyai
kemudahan lengkap," katanya.

Katanya, kaedah SMART SBB
ala Sekinchan juga akan turut
diperkenalkan di Sabah dan Sa-
rawak dan beliau akan menga-

"Tuduhan memang banyak
berhubung isu kartel dan dise-
babkan itu siasatan dijalankan.
Sebarang tindakan yang dikena-
kan adalah bergantung kepada
siasatan.

"Apapun siasatan masih dija-
lankan setakat ini," katanya.

Tanaman padi ala Segati ke Sabah, Sarawak

OH YATIMIN ABDULLAH

PASIR PUTEH: Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SSB) ala Segati yang diperkenalkan ke Sabah dan Sarawak adalah inisiatif untuk menjadikan kedua-dua negeri itu sebagai jejayang padi kedua negara pada masa hadapan.

Menteri Pertanian dan Ke-terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, langkah itu dilakukan ketika kediri dan kelantan masing-masing sebagai jejak padi tanam negara melalui Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KEMKUB).

Menurut beliau, pada awal bulan depan, beliau akan bertemu Premier Sarawak bagi membincangkan perancangan penanaman padi di negeri berse- nsaan.

"Hasil padi di kedua-dua negeri itu sebenarnya agak tinggi terutama di Sarawak. Jika kita dapat menanam padi, saya yakin hasil yang diper-oleh akan tinggi."

MOHAMAD SABU

lagi kerja-kerja tanaman padi bukit ini. Insya Allah dengan usaha berterusan ini, kita mampu mencukupkan bekalan beras negara pada masa hadapan," ujarnya.

Mohamad berkata, kera-jaan menyediakan sebanyak 150,000 hektar sawah dari-antara itu 100,000 hektar akan diserahkan mengana-kan SMART SSB. Ah Sekin- chan menjelang 2030.

Katanya, melalui projek ini hasil pengiraan padi akan menunjukkan peningkatan tujuh tan setiap satu hektar.

Sementara itu, mengulas mengenai isu karek, Mo- hamad berkata, tindakan SMART SSB adalah berkesan kerana beras dibuat beran- dakan kepada hasil sasatan.

Katanya, sasatan itu penting untuk melihat sama- ada kawasan yang subur atau tidak.

"Sikap yang boleh buat tuduhan, sebab itulah kita (KPKM) akan melakukan sia- saan bagi menentukan sama- ada kawasan yang subur atau tidak."

"Dalam isu karek ini, ka- lu ada laporan, kita akan ambil tindakan dengan men- jalinkan sasatan," katanya.



MOHAMAD Sabu (tengah) mengendalik-kan jentera meng- tanam padi di- antara projek SMART SSB di kawasan- di Kawas- an Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Tok Alam, Pa- sir Puteh, Kelan- tan. (Utusan Malaysia)

KAMARUL BISHI KAMARUZAMAN

Move to transform padi fields into Sekinchan-style cultivation

PASIR PUTEH: The Sekinchan-style large-scale smart padi field practice will be expanded nationwide, says the Agriculture and Food Security Minister.

Datuk Seri Mohamad Sabu said the targeted area to implement the Sekinchan-style SMART Large-Scale Padi Field (SMART SBB) practice constitutes one-third of Malaysia's total estimated 600,000ha allocated for padi fields.

He said the ministry aims to expand to about 150,000ha of padi-planting area nationwide by 2030.

"Next month, I will discuss this and other related matters with the Sarawak Premier to turn Sarawak and (Sabah) into the country's second rice bowl.

"In Kedah, we have the Young Agricultural Development Board (Mada), while in Kelantan, there is the Kemubu Agricultural Development Board (Kada).

"So, in Sabah and Sarawak, we will have a similar body to make it Malaysia's second rice bowl," he said, according to Bernama.

Mohamad was speaking to reporters after launching the SMART SBB ala Sekinchan Project in Bendang Tok Ajam here yesterday. He said RM10mil has been allocated for Sabah and Sarawak to open up more land for padi cultivation to achieve Malaysia's goal of becoming a rice exporter by 2030.

"The introduction of the SMART SBB ala Sekinchan project in Sabah and Sarawak would enable

the states to contribute towards our rice exports.

"We need to produce a minimum of seven metric tonnes per hectare, to approve export.

"Right now, we are only getting less than five metric tonnes per hectare," he said.

According to him, in Kedah, the yield has increased from seven metric tonnes to 11 metric tonnes per hectare, while in Pasir Puteh, Kelantan, it is only four metric tonnes.

Mohamad indicated that achieving a minimum yield of seven metric tonnes per hectare would position Malaysia as a rice exporter, leveraging the available land area and enhanced productivity attributed to modern agricultural practices.



Giving it a go: Mohamad (centre) operating a rice-planting machine after inaugurating the Large-Scale Smart Padi Programme (SMART SBB) ala Sekinchan at Bendang Tok Ajam, Pasir Puteh. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36

Ratusan ubur-ubur api terdampar di Pantai Teluk Bidara

Oleh **NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN**
utusannews@mediamulla.com.my

DUNGUN: Ratusan ubur-ubur api berwarna biru ditemukan terdampar di Pantai Teluk Bidara di sini, kelmarin.

Kurator Kanan, Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan (RRC), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Azwarina Mohd. Azmi Ramasam berkata, ubur-ubur beracun tersebut ditemukan bekas penuntut universiti itu, Siti Nur Zahirah Kamarudin sebelum menghubungi pihaknya untuk mengesahkan

spesies yang ditemukannya.

“Berdasarkan gambar dan video yang dihantar Nur Zaharah, terdapat ratusan ekor ubur-ubur tersebut di sepanjang pantai berkenaan.

“Kita perlu maklumkan kepada orang ramai mengenai kehadiran ubur-ubur itu sebagai langkah keselamatan mandangkan masih ramai yang berkelah dan berkreas di tepi pantai,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, meskipun ketakut ini tiada kematian direkodkan bagi sengatan ubur-ubur spesies tersebut, namun ia masih

boleh mengundang kesakitan dengan beberapa kes telah dirawat di hospital sebelum ini.

Dalam pada itu, tambahnya, lebih 30 ekor ubur-ubur api yang masih hidup turut ditemukan di sepanjang pantai dekat UMT, Kuala Nerus pada Khamis dan sampelnya telah dibawa ke RRC untuk kajian.

“Orang ramai yang terjumpa dengan hidupan marin yang meragukan dan berbahaya bolehlah menghubungi pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perikanan dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia untuk tindakan lanjut,” katanya.



SEBAHAGIAN daripada bubu naga yang dirampas APMM berhampiran Pulau Talang, Lumut kelmarin. - IHSAN APMM

30 set bubu naga perosak ekosistem perikanan dirampas

LUMUT - Sebanyak 30 set bubu naga dirampas Maritim Malaysia (APMM) Perak di kedudukan sekitar 4 kilometer barat daya Pulau Talang, di sini kelmarin.

Bubu naga berukuran 10 meter panjang itu dikesan pasukan bot ronda APMM yang melaksanakan operasi kira-kira pukul 2.35 petang.

Pengarah Maritim Negeri Perak, Kepten Maritim Mohd. Ham-bali Ya'akup berkata, bot peronda terlihat pancang kayu yang dipasang bendera diikat bersama pelampung yang mencurigakan

di permukaan air.

"Hasil tinjauan mendapati, pancang kayu itu adalah penanda bagi lokasi bubu naga yang dipasang. Bubu naga ini diikat secara berangkai dan diletakkan pemberat pada kayu tersebut.

"Kesemua bubu naga dianggarkan bernilai lebih RM2,000 itu dirampas dan diserahkan kepada pegawai penyiasat APMM untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, pemilik bubu naga boleh didakwa di bawah

Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Katanya, penggunaan bubu naga diharamkan oleh Jabatan Perikanan mulai 1 November 2018 kerana sifatnya yang selektif dan boleh merosakkan ekosistem perikanan.

"Ia juga menjejaskan sumber pendapatan nelayan pantai atau tradisional yang menggunakan cara penangkapan biasa seperti menggunakan pukat hanyut," ujarnya.

Pesara polis jadi tauke minuman herba botani

Oleh AINSAFRE BIDIN

PASIR SALAK – Seorang pesara polis kini bergelar tauke minuman kesihatan berasaskan herba tradisional setelah keputusan-nya untuk menghasilkan produk berkenaan mendatangkan rezeki buatinya.

Abdullah Sahimi Ramli, 65, berkata, dia dan isteri, Rosma Hashim, 53, menghasilkan minuman berjenama Rosmie De Herbs yang menggunakan herba seperti kunyit hitam, halia bara, lada pin-tal serta madu, pati delima dan habatussauda sebagai bahan utamanya kerana mereka ber-dua sendiri turut mengamalkan penggunaan bahan tersebut.

Selain itu, ujarnya, herba-herba digunakan itu juga sinonim dengan kaedah rawatan ayurveda (sistem rawatan India kuno) yang mempunyai sejarah tersendiri.

"Setelah bersara, memang saya berniat untuk meneruskan kehidupan sebagai seorang peniaga dan setelah berbincang dengan isteri, akhirnya kami

memilih untuk menghasilkan produk minuman berasaskan herba yang telah pun diamalkan oleh orang Melayu sejak zaman berzaman.

"Alhamdulillah, keputusan yang kami ambil ini dilinat tepat memandangkan produk minuman ini telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna tidak lama selepas ia dilancarkan iaitu pada tahun 2016," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurut Abdullah, ekoran permintaan yang semakin meningkat dari pengguna, mereka mengambil keputusan untuk membuka sebuah kilang berhampiran dengan tempat tinggal di Kampung Gajah, di sini, agar jumlah pengeluaran minuman herba itu dapat ditambah seiring dengan pertumbuhan permintaan.

Bagaimanapun, sebagaimana perniagaan dalam industri makanan dan minuman (F&B) yang lain, ujarnya, bisnes mereka turut mengalami pasang surut lebih-lebih lagi ketika pandemik

Covid-19 melanda negara yang memaksa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan.

Dia berkata, situasi itu membuatkan masa depan perniagaan mereka tidak menentu akibat pelbagai sekatan pergerakan yang dikenakan, namun cabaran itu akhirnya berjaya diatasi apabila Rosmie De Herbs terus mendapat permintaan baik daripada peminatnya.

"Kami bertuah kerana pelanggan setia banyak membantu kami mengekalkan perniagaan ini, yang mana testimoni mereka telah berjaya meyakinkan orang ramai untuk mencuba produk minuman herba botani ini, seterusnya menambah bilangan komuniti peminat jenama Rosmie De Herbs.

"Orang ramai tidak perlu bimbang untuk menggunakan minuman herba kami kerana ia mendapat pengiktirafan Kementerian Kesihatan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta SIRIM Berhad," katanya.



ABDULLAH SAHIMI bersama isterinya, Rosma menunjukkan minuman Jenama Rosmie De Herbs yang dikeluarkan.

Pengeluaran produk home-based mampu hasilkan pendapatan lumayan

Kerepek Siti jana RM12,000 sebulan



PLATFORM PKS

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

IPOH – Hasil jualan produk kerepek pisang sira membolehkan seorang ibu tunggal dan bekas asnaf, Siti Zahrah Ismail, 48, memperoleh pendapatan kasar secara purata RM12,000 sebulan. Siti Zahrah berkata, produk dengan jenama Pisang Sira itu dijual pada harga RM10 bagi paket 180 gram secara fizikal dan menerusi dalam talian (online).

"Saya bermula pada 2017 setelah mengikuti kursus Program Mentor-Mentee selama tiga bulan di bawah Program Pemerikasaan Ekonomi Asnaf anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK).

"Program itu memberikan penekanan terhadap elemen pembungkusan makanan, label produk, pengiraan kos dan inovasi produk.

"Sebaik sahaja selesai kursus, saya diberikan kit permulaan perniagaan bernilai RM5,000 berbentuk sebuah penyejuk beku, peti sejuk dan komputer



SITI ZAHIRAH menunjukkan produk kerepek pisang sira yang berjaya menghasilkan pendapatan baik, seterusnya membantu menunjukkan jalan keluar kepadanya daripada dikategorikan sebagai asnaf.

riba," katanya ketika ditemui di premis perniagaannya, Kedai Akak Lejen di Pusat Transformasi Bandar (RTC) Gopeng, di sini baru ini.

Menurut Siti Zahrah, dia beroleh bekalan pisang daripada pembekal sekitar negeri Perak, manakala jumlah keseluruhan

geran dan bantuan modal yang diterima daripada MAIPK setakat ini ialah RM16,400.

Jelasnya, Kedai Akak Lejen yang dikendalikanannya turut menjadi jati hab bagi pemasaran lebih 30 produk-produk makanan hasil keluaran asnaf yang lain seperti kerepek bawang, kuih kapit, ka-

cang goreng, sambal jawa dan kerepek pisang.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak turut membantu saya menerusi penyediaan premis perniagaan di RTC Gopeng ini, dengan pengecualian sewa selama beberapa bulan sebelum perniagaan stabil.

“

Kebanyakan penghasilan produk-produk kami adalah secara home-based sahaja, iaitu dihasilkan dan diproses di rumah.”

“Selain itu, FAMA turut membantu dengan pemberian modal RM5,000 bagi penyediaan pelek produk,” katanya.


Siti Zahrah secara agresif mempromosikan produk kerepek pisang sira beliau dengan terlibat dalam ekspo, pameran dan program-program yang melibatkan agensi kerajaan di Perak.

Pada masa sama, wanita ini turut menyimpan impian untuk melihat produknya dapat dipasarkan di pasar raya dan pasar mini sekitar Ipoh, sebaik sahaja ia berjaya mendapat pensijilan halal.

“Proses itu sedang giat diusahakan dengan kerjasama MAIPK dan usahawan-usahawan asnaf yang lain memandangkan untuk beroleh sijil halal, kami memerlukan premis pengeluaran bertukar kilang selain pensijilan Good Manufacturing Practice (GMP).

“Setakat ini, kebanyakan penghasilan produk-produk kami adalah secara home-based sahaja, iaitu dihasilkan dan diproses di rumah,” katanya.





PEMANDANGAN dari udara kebun sayur yang diusahakan oleh warga asing di atas tanah seluas kira-kira 2,585.4 hektar di Kampung Johan Setia, Klang baru-baru ini.

Sekat warga asing sewa tanah untuk aktiviti pertanian

SAUDARA PENGARANG, **MEMBENARKAN** warga asing berstatus pemegang Pas Lawatan Kerja Sementrara (PLKS) termasuk dalam sektor pertanian mengusahakan sendiri kebun sayur dengan menyewa tanah milik rakyat tempatan adalah tidak sihat untuk sekuriti makanan negara dalam jangka masa panjang.

Pekerja asing sektor pertanian dibawa masuk supaya menjadi tenaga kerja kepada petani tempatan, namun perkara sebaliknya berlaku apabila mereka menjadi usahawan tani. Isu warga asing mengusahakan sendiri tanah pertanian mula-mula dilaporkan

berlaku di Cameron Highlands, Pahang dan kemudian di negeri-negeri utara iaitu Perak dan Pulau Pinang.

Aktiviti warga asing mengusahakan sendiri kebun sayur ini agak ketara di negeri Selangor menerusi pendedahan mengenai kewujudan kebun sayur diusahakan mereka beberapa lokasi seperti di Sekinchan, Pulau Meranti dan terbaru di Johan Setia, Klang.

Kesan jangka panjang jika perkara ini dibiarkan adalah besar kemungkinan pekerja asing ini tidak akan balik ke negara asal kerana sudah ada pendapatan tetap daripada kebun sayur.

Lambat laun sama seperti

sektor perniagaan runcit yang dikuasai warga asing, kebun sayur yang diusahakan warga asing akan meluas sehingga seluruh Semenanjung.

Sekarang sudah ada berita mengenai warga asing terlibat dalam bidang penternakan yang juga berlaku di Selangor.

Dalam hal ini, kerajaan negeri mungkin boleh mengenakan sekatan kepada geran pertanian bagi mengelakkan ia disewa kepada warga asing.

Tindakan juga perlu diambil kepada warga asing yang didapati menceroboh tanah kerajaan untuk dijadikan kebun sayur.

PENDUDUK KECEWA
Kuala Lumpur

Kerajaan prihatin bantu rakyat tangani kenaikan harga barang, kos sara hidup

Program jualan murah diperluas – PM

Oleh FADZIL ZAINOL

IPOH – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Program Jualan Termurah Madani akan diteruskan dan diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Menurutnya, program yang menjual barangan basah dan kering itu diperluaskan selaras keluhan rakyat berhubung kenaikan harga barang di pasaran.

"Satu hal tidak mudah yang kita lakukan kerana harga pasaran di mana-mana di dunia ini sedang meningkat begitu tinggi yang memberi kesan kepada rakyat.

"Kalau kita cakup pelaburan tinggi, ekonomi baik, orang kata tak juga (kerana) harga barang naik. Saya terima teguran itu. Sebab itu kita cari jalan untuk selesaikan masalah di akar umbi," katanya.

Beliau ditemui selepas 'Program Jualan Termurah Madani

Taman Klebang Restu, Ipoh di bawah kawasan Parlimen Tambun, di sini semalam.

Program itu dianjurkan oleh Ahli Parlimen Bukit Gantang daripada Bersatu, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Perdana Menteri dalam pada itu turut memuji program dianjurkan Syed Abu Hussin yang menjual harga barangan seperti ayam, ikan dan beras lebih rendah berbanding harga pasaran.

"Saya tengok ikan, ayam dan beras jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Kita kena perbanyakan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menerusi Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) akan terus mencari ikhtiar bagi mencari penyelesaian peningkatan kos sara hidup.

Anwar pada masa sama mengumumkan Syed Abu Hussin Hafiz mengetuai satu daripada kluster atau jawatankuasa menangani harga makanan dan kos sara hidup di bawah Naccol.



ANWAR turut meninjau program subsidi bersasar Sumbangan Asas Rahmah (Sara) di pasaraya Mydin di Meru Raya, Ipoh semalam.

29/1/2024

NASIONAL

4

SINAR

HARIAN

MP Bukit Gantang ketuai kluster di bawah NACCOL

Bantu cari iktiar dan penyelesaian terhadap isu harga barang dan kos sara hidup

Oleh NOOR AINON
MOHAMED YUSOF
TAMBUN

Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal dilantik mengetuai salah satu jawatankuasa di bawah Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, bekas pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu akan membantu dalam mencari iktiar dan penyelesaian terhadap isu harga barang dan kos sara hidup.

"Nanti saya tugaskan Syed Abu Hussin Hafiz bantu dalam mesyuarat penyelarasan harga barang makanan di bawah NACCOL."

"Saya mengesahkan supaya dia akan mengepalai kluster yang membantu tambah iktiar supaya Jawatan Madani ini akan dipertingkatkan."

"Yang penting ialah kita cari iktiar. Percayalah ia suatu perkara yang tidak mudah kerana harga pasaran di dunia sudah meningkat dan sudah



FOTO: BERNAMA

Anwar meninjau jualan hasil laut ketika menghadiri program 'Jualan Termurah Madani di Padang Taman Klebang Restu, Chemor pada Ahad.

tentu memberi kesan kepada rakyat," katanya ketika berucap pada Jualan Termurah Madani barangan basah dan kering di Padang Taman Klebang Restu, Chemor dekat sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Anwar berkata, program Jualan Termurah Madani barangan basah dan kering itu dapat membantu memenuhi permintaan rakyat dan akan diperluaskan ke seluruh negara.

"Kita telah mengambil pelbagai langkah berikutnya kos sara hidup yang meningkat, walaupun jumlah

STR (Sumbangan Tunai Rahmah) kita tambah, tetapi tidak cukup kalau tidak kawal harga barang.

"Melihat sambutan hari ini, kita kena perbanyakan dan perluaskan jualan murah terutama barangan keperluan ikan, ayam, beras dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri selepas itu mengadakan tinjauan dan melawat kaunter bergerak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi semakan penerima STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di sebuah pasar raya di Meru Raya dekat sini.

Ahli Parlimen Bukit Gantang fokus stabil harga beras



SYED ABU HUSSIN HAFIZ

TAMBUN - Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal menyatakan kesediaan menggalas tanggungjawab membantu kerajaan dalam menangani harga barangan.

Menurut Syed Abu Hussin Hafiz, beliau akan melaksanakan beberapa model khusus bagi menstabilkan kembali harga barangan dan memperluaskan Jualan Termurah Madani ke seluruh negara.

"Beberapa model telah dibentang dengan menjual barangan lebih murah kepada rakyat tanpa subsidi sebelum ini dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim minta saya laksanakan secara nasional."

"Kalau mahu laksanakan secara nasional, saya maklumkan yang beliau perlu meletakkan saya di mana-mana jawatan yang sesuai untuk merentasi kementerian bagi mendapatkan sumber lebih banyak."

"Beliau sudah untungkan tadi melantik saya untuk meneruskan model ini di seluruh negara. Saya bersedia menerima tanggungjawab dengan syarat diberikan kuasa melaksanakan untuk menentukan harga barang dan sebagainya yang kadang kala ia melibatkan kartel, kuasa dan sebagainya," katanya.

Menurutnya, menerusi jawatankuasa di bawah Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) itu, beliau akan melaksanakan tugas bermula harga beras dan diikuti barangan lain.

"Kalau ada punca kuasa ini, saya boleh merentasi kementerian, semak bekalan, kartel dan sebagainya. Harga beras kini tidak stabil sampai RM40, rakyat bising."

"Kita ada kaedahnya. Sebenarnya peniaga tidak rugi dan rakyat mendapat harga berpatutan. Peniaga ini akan cari kaedah untuk naikkan harga sedangkan kos tidak naik pun," katanya.

Tambah bekas pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) itu, beliau akan menunjukkan kepada kerajaan dan rakyat kaedah-kaedah yang boleh dilaksanakan untuk menstabilkan harga barang-barang makanan utama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/1/2024	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Tumpu sektor pertanian, perikanan ketika nilai ringgit lemah

- Penurunan nilai ringgit berterusan memberikan impak langsung terhadap kos bahan makanan dan kestabilan bekalan makanan di pasaran
- Pelaburan dalam R&D memacu inovasi, mencipta produk dan perkhidmatan baharu yang mampu memenuhi keperluan dalam serta berpotensi untuk dieksport



Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Oleh Dr Mohamad Reezuan Mustapha
bhrencana@bh.com.my

Kukuhnya nilai mata wang aspek penting menentukan kestabilan ekonomi negara. Kita sedia maklum kebaikan dan keburukan disebabkan turun naik nilai mata wang. Namun Malaysia sebagai negara terus membangun perlu menjaga nilai ringgit agar dapat memberikan manfaat maksimum kepada rakyat dan pelabur.

Secara umum, kemampuan sesebuah kerajaan mempengaruhi nilai mata wang memabitkan pelbagai faktor tempatan dan global. Keputusan dan dasar diambil bank pusat, perancangan fiskal, kestabilan politik dan keadaan ekonomi global memberi kesan terhadap nilai mata wang.

Di Malaysia, tiga faktor utama memberikan impak kepada nilai ringgit ialah kestabilan politik, harga minyak mentah global dan kadar faedah ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM) serta kadar faedah Amerika Syarikat (AS) tinggi memberikan implikasi secara langsung terhadap nilai ringgit dan dolar AS.

Oleh itu, kerajaan perlu menjalankan dasar ekonomi bijak, mengambil langkah meningkatkan daya saing ekonomi, memastikan kestabilan dalam politik dan kewangan bagi mengukuhkan kedudukan nilai mata wang.

Tidak dapat dinafikan nilai ringgit menjunam kini boleh membawa beberapa kebaikan kepada negara, terutama dalam sektor ekonomi dan perdagangan. Dengan nilai ringgit rendah, produk dan perkhidmatan tempatan menjadi lebih murah apabila dieksport, secara tidak langsung memberikan kelebihan daya saing kepada eksport negara.

Peningkatan eksport menambahkan pendapatan negara melalui cukai eksport dan hasil berkaitan. Selain itu, sektor pelancongan mengalami pertumbuhan kerana nilai ringgit rendah menjadikan Malaysia destinasi pelancongan lebih berpatutan bagi pelancong asing.

Namun, di sebalik kebaikan itu, penurunan nilai ringgit antara paras terendah sejak 1998 membawa cabaran besar kepada ekonomi negara. Peningkatan inflasi adalah antara isu utama, dengan harga barang dan perkhidmatan tempatan serta import meningkat, sekali gus memberi tekanan kepada kos hidup rakyat.

Selain itu, kos import lebih tinggi meningkatkan beban hutang negara, terutama hutang luar negara dalam mata wang dolar AS. Keadaan ini mencetuskan ketidakpastian ekonomi dan menjejaskan keyakinan pelabur serta menghalang pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Dalam menghadapi nilai ringgit merosot, perlu ada pendekatan seimbang untuk memastikan kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Langkah bijak dan berhati-hati perlu diambil pihak berkuasa untuk mengelak risiko dan merancang strategi sesuai dalam menghadapi cabaran ekonomi mungkin timbul.

Penurunan nilai ringgit juga dapat mencipta ketidakpastian dalam bekalan makanan negara. Ini boleh mengakibatkan fluktuasi atau turun naik dalam harga bahan makanan dan kebolehpasaran kepada pelbagai jenis makanan, yang boleh memberi

kesan kepada rakyat.

Penurunan nilai ringgit berterusan memberikan impak langsung terhadap kos bahan makanan dan kestabilan bekalan makanan di pasaran. Kebanyakan bahan makanan diimport seperti jagung, soya, gandum, komoditi asas makanan ternakan dan barang kering lain, mungkin mengalami kenaikan harga kerana penurunan nilai mata wang akan menyebabkan nilai tukaran lebih rendah.

Kenaikan ini memberi tekanan terhadap belanja harian isi rumah, terutama B40 dan M40. Kenaikan kos import juga boleh memberi kesan kepada industri pertanian tempatan.

Sementara beberapa produk tempatan mungkin menjadi lebih kompetitif, peningkatan harga input seperti baja dan racun perosak diimport boleh meningkatkan kos pengeluaran petani, sekali gus mungkin memberi kesan kepada harga produk makanan tempatan. Ini akan meningkatkan kos pengeluaran, akhirnya menaikkan harga jualan produk makanan.

Manfaatkan sumber asli

Hakikatnya, Malaysia kaya dengan sumber asli termasuk tanah subur untuk pertanian seharusnya memberikan fokus terhadap sumber dalaman dan pengurangan ketergantungan terhadap import luar negara adalah pendekatan strategik dapat memperkukuhkan ekonomi negara.

Penting bagi kerajaan untuk memacu pembangunan industri tempatan dengan menyediakan sokongan dan insentif kepada perusahaan dalam meningkatkan daya saing serta menghasilkan produk sebelumnya perlu diimport.

Selain itu, pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat memacu inovasi,

mencipta produk dan perkhidmatan baharu yang mampu memenuhi keperluan dalam serta berpotensi untuk dieksport.

Langkah lain termasuk penekanan pada pengembangan sumber manusia melalui peningkatan Pendidikan dan Latihan Teknikal Serta Vokasional (TVET) menjadikan tenaga kerja lebih berkemahiran.

Peningkatan pengeluaran makanan tempatan dengan menyokong industri pertanian dan perikanan juga pendekatan berkesan dalam mengurangkan ketergantungan kepada import makanan.

Dengan meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, negara dapat meningkatkan bekalan makanan tempatan. Ini membantu mengurangkan risiko ketidakstabilan bekalan makanan dan ketergantungan terhadap pasaran global yang mungkin terjejas oleh faktor seperti perubahan iklim, ketidakstabilan ekonomi global atau krisis kesihatan.

Peningkatan kesedaran pengguna terhadap produk tempatan, pelaburan dalam infrastruktur tempatan dan pembangunan sektor ekonomi digital juga turut membantu mencapai matlamat pengurangan ketergantungan kepada import.

Sokongan kepada industri pertanian dan perikanan memungkinkan negara untuk lebih banyak mempelbagaikan jenis produk makanan dihasilkan secara tempatan. Ini bukan sahaja memberi pelbagai pilihan kepada pengguna, bahkan mencipta peluang ekonomi lebih luas dan meningkatkan daya saing industri makanan tempatan di pasaran antarabangsa.

Dengan meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, ketergantungan kepada import makanan boleh dikurangkan. Ini membantu negara mengurangkan tekanan terhadap mata wang untuk membayar import makanan.

Sokongan kepada industri pertanian dan perikanan tidak hanya memberi kesan positif kepada kestabilan bekalan makanan, bahkan meningkatkan pendapatan petani dan nelayan tempatan, sekali gus membantu dalam meningkatkan taraf hidup komuniti pertanian dan nelayan serta merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan berkenaan.

Industri pertanian memerlukan baja sebagai input penting dalam proses pengeluaran. Dengan meningkatkan industri pertanian dan perikanan, permintaan terhadap baja juga dapat meningkat.

Ini memberi peluang untuk mengembangkan dan meningkatkan keupayaan industri baja tempatan, yang pada gilirannya dapat menyokong pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh.

Peningkatan pengeluaran makanan tempatan juga boleh meningkatkan tahap keselamatan makanan dan kualiti produk. Kawalan lebih baik ke atas proses pengeluaran dan pemantauan kualiti dapat diterapkan, memberikan keyakinan kepada pengguna mengenai sumber makanan tempatan.

Peningkatan pengeluaran makanan tempatan dengan menyokong industri pertanian dan perikanan tidak hanya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi pada masa kini tetapi juga membina dasar untuk pembangunan mampan.

Ini merangkumi pemeliharaan sumber daya alam, pengurangan impak alam sekitar dan pemeliharaan kepelbagaian biologi. Strategi ini penting bagi menggerakkan inisiatif kerajaan ke arah mencapai ekonomi Madani.

